



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

PUTRA
PERTANIAN UNTUK RAKYAT

MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI KALI KE-65

AGENDA 8 (a) LAPORAN PENILAIAN RISIKO SISTEM PENGURUSAN KUALITI (QMS)

24 FEBRUARI 2026 | 9:00 PAGI | DEWAN SENAT, BANGUNAN CANSELORI PUTRA

Berilmu Berbakti Pertanian • Inovasi • Kehidupan



Memaklumkan Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM Kali ke-65 berhubung:

01

LAPORAN PENILAIAN RISIKO OPERASI
TAHUN 2025 (PERTENGAHAN TAHUN
KEDUA HY2 2025)



02

SENARAI RISIKO TINGGI HY2 2025



03

e-OPRISK 2026




Jumlah Keseluruhan Penyataan Isu / Masalah

396


Jumlah Penyataan Isu / Masalah Mengikut Klasifikasi PTJ

| Fakulti / Sekolah / Akademi | | |
|-----------------------------|-------|--------------|
| 117 | | |
| Institut | Pusat | Pejabat |
| 78 | 110 | 32 |
| Bahagian | Kolej | Perkhidmatan |
| 19 | 28 | 12 |


Jumlah Isu Dalam & Luaran




Jumlah Isu Baru & Sedia Ada



Kategori Fungsian / Operasi




Kesan Kepada KPI UPM & Pihak Berkepentingan





| | | | |
|-------------------------------|----------------------------------|------------------------------|----------------------------------|
| Risiko Rendah : 150 | Risiko Sederhana : 216 | Risiko Tinggi : 27 | Risiko Belum Nilai : 3 |
|-------------------------------|----------------------------------|------------------------------|----------------------------------|

Penilaian Risiko : Awal / HY-1 / HY-2



Penilaian risiko dibuat oleh setiap PTJ dengan mengambil kira setiap PTJ mempunyai tindakan berbeza (kawalan sedia ada untuk mengawal isu dan strategi tindakan untuk menangani risiko tinggi dan sederhana) walaupun terdapat pernyataan isu yang sama di antara PTJ.



Rawat: Risiko yang boleh dirawat oleh PTJ dengan menggunakan sumber sedia ada. Kombinasi hierarki kawalan adalah sesuai diamalkan bagi memastikan kadar risiko adalah sentiasa terkawal



Pindah: Risiko yang boleh ditanggung oleh pihak lain selain PTJ sendiri atau risiko yang dikongsi PTJ bersama PTJ lain yang berkaitan. Pilihan ini adalah baik bagi mengawal risiko berkaitan sumber (antaranya: kewangan, aset, infrastruktur, ICT dan manusia)

Tolak ansur: Risiko yang boleh diterima oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) tanpa sebarang kerugian. Risiko ini boleh dikawal secara efisien menggunakan sistem kawalan sedia ada

Elak: Risiko yang dielak oleh PTJ setelah penilaian dan pertimbangan dilaksanakan dimana kemudahan melebihi manfaat.

Kawalan tindak balas ke atas risiko terhadap 396 pernyataan isu (Tolak Ansur, Rawat, Pindah, Elak)

FUNGSIAN/OPERASI: INFRASTRUKTUR/PERSEKITARAN

| No | Nama PTJ | Penyataan Isu / Masalah | Penyataan Risiko | Kesan Kepada Bidang KPI UPM | Kawalan Sedia ada | Tindakan Ke Atas Risiko | Kawalan / Strategi Tindakan Baru | Peluang | Keberkesanan Tindakan |
|----|---|--|---|-----------------------------|---|-------------------------|--|--|--|
| 1 | Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul | Proses baik pulih bangunan / infrastruktur yang rosak / usang tidak dapat dilaksanakan dengan segera akibat kekangan kewangan | Persekitaran yang tidak kondusif untuk aktiviti pengajaran dan penyelidikan serta meningkatkan risiko keselamatan kepada warga fakulti. | Pihak Berkepentingan | <ol style="list-style-type: none"> Memohon peruntukan daripada Universiti atau KPT dan menetapkan keutamaan pada kerja baik pulih yang melibatkan kemudahan pelajar dan keselamatan. Melantik Pegawai Bertanggungjawab untuk melaporkan segera sebarang kerosakan yang berlaku agar dapat ditangani segera. Menggiatkan usaha penjanaaan | Pindah (Transfer) | <ol style="list-style-type: none"> Memohon peruntukan khas dari Universiti bagi kes kerosakan yang menjejaskan keselamatan, kesihatan dan keselesaan pelajar. Bekerjasama rapat dengan pihak PTJ berkaitan (Bursar, PPPA, IDEC, Pejabat TNC) bagi mendapatkan peruntukan RMK. Menyediakan rekod lengkap melalui audit dan gambar kerosakan bagi memastikan justifikasi permohonan lengkap disediakan. | Tahap keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan pelajar dan staf adalah terkawal. Kerja pembaikan sendiri dan pembaikan menggunakan peruntukan mengurus/tabung amanah yang dilaksanakan membantu Fakulti menyelesaikan beberapa isu yang berlaku. | Sebanyak 19 projek baik pulih / naik taraf fasiliti / pencegahan berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2025 di FBSB meliputi naik taraf alat pencegah kebakaran, baik pulih bumbung, naik taraf fasiliti ICT, baik pulih kerosakan fasiliti elektrik, naik taraf kemudahan pelajar termasuk kemudahan OKU, penggantian alat penghawa dingin dan pembasmian haiwan perosak. Walau bagaimanapun, masih terdapat banyak kerosakan lain yang memerlukan tindakan pembaikan. |
| 2 | Fakulti Perubatan Veterinar | Kekurangan fasiliti di dalam dewan/bilik kuliah dan makmal pengajaran untuk menampung keperluan PdP berikutan pertambahan pelajar baharu T20 bermula sesi 2024/2025 | Menjejaskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran | Pihak Berkepentingan | <ol style="list-style-type: none"> Permohonan pembelian peralatan Baharu Tambah baik fasiliti sediaada Memperkuatkan jaringan industri dengan fakulti bagi meningkatkan pendanaan | Rawat (Treat) | <ol style="list-style-type: none"> Membuat permohonan peruntukan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-13. Membuat perancangan dalaman dengan menaik taraf Bilik Seminar FPV menggunakan peruntukan Akaun Amanah Program Kemasukan Saluran T20 FPV yang dirancang pelaksanaannya pada 2026. | <ol style="list-style-type: none"> Fakulti mengharapkan sokongan pihak UPM untuk FPV mendapat peruntukan di bawah RMKe-13. Fakulti memberi keutamaan penggunaan peruntukan akaun amanah untuk menaik taraf fasiliti PdP demi memenuhi keperluan pelajar. | Terhad kepada kelangsungan pendanaan daripada UPM dan Akaun Amanah Fakulti. |


FUNGSIAN/OPERASI: INFRASTRUKTUR/PERSEKITARAN

| No | Nama PTJ | Penyataan Isu / Masalah | Penyataan Risiko | Kesan Kepada Bidang KPI UPM | Kawalan Sedia ada | Tindakan Ke Atas Risiko | Kawalan / Strategi Tindakan Baru | Peluang | Keberkesanan Tindakan |
|----|--|--|---|----------------------------------|--|-------------------------|--|---|---|
| 3 | Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik | Kekurangan peruntukan untuk naik taraf tangki simpanan air laut | Menjejaskan tahap kemasinan air laut serta teritip memenuhi dinding tangki dan berlaku keretakan, kebocoran | KPI : Penyelidikan & Inovasi | Tiada kerana melibatkan peruntukan yang besar | Rawat (Treat) | Memohon peruntukan RMK-13 untuk naik taraf tangki simpanan air (water proofing) melalui Pejabat TNCPi | <ol style="list-style-type: none"> 1. Tahap kemasinan air laut dapat dikawal dengan lebih baik. 2. Struktur tangki simpanan air laut lebih kukuh | Dapat mengurangkan gangguan operasi dengan memastikan sistem simpanan air laut berfungsi dengan lebih cekap dan berterusan |
| 4 | Institut Biosains | Bangunan IBS dicemari kulat | Menjejaskan kesihatan, peralatan dan perkhidmatan. | KPI : Pengurusan Kewangan & Aset | <ol style="list-style-type: none"> 1. Memasang alat penapis udara di lokasi yang kritikal masalah pencemaran kulat. 2. Memasang penghawa dingin 'split unit' | Rawat (Treat) | <ol style="list-style-type: none"> 1. Memohon peruntukan tambahan daripada Universiti: <ol style="list-style-type: none"> (a) menyediakan lebih banyak split aircond bagi menggantikan centralized aircond. (b) mengecat permukaan kulat di permukaan dinding bangunan. (c) membeli alat penapis udara dan melaksanakan penyelenggaraan sendiri alat. 2. Meningkatkan kadar pengudaraan dan pencahayaan di dalam bangunan IBS. | <ol style="list-style-type: none"> 1. Mengurangkan kadar keterukan pembiakan kulat di bangunan utama IBS 2. Penyelenggaraan sendiri alat penapis udara dapat mengatasi masalah kekurangan sumber kewangan bagi kos baikpulih alat | <p>Menerima peruntukan RMK13 bagi naik taraf dan baik pulih sistem pengudaraan di IBS (berkaitan isu kulat). Peruntukan ini akan memberi manfaat seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pengurang pertumbuhan kulat yang ketara pada permukaan dinding hadapan Bangunan Utama. 2. Pemasangan split aircond mengurangkan kadar pertumbuhan kulat di dalam bangunan/ bilik/ makmal. |

FUNGSIAN/OPERASI: INFRASTRUKTUR/PERSEKITARAN

| No | Nama PTJ | Penyataan Isu / Masalah | Penyataan Risiko | Kesan Kepada Bidang KPI UPM | Kawalan Sedia ada | Tindakan Ke Atas Risiko | Kawalan / Strategi Tindakan Baru | Peluang | Keberkesanan Tindakan |
|----|--|--|---|----------------------------------|---|-------------------------|---|---|---|
| 5 | Institut Biosains | Infrastruktur dan kemudahan seperti bumbung, siling, penebat kilat, dinding, tandas, pendawaian elektrik dan struktur bangunan yang telah usang dan rosak serta boleh mengancam keselamatan pengguna, menyebabkan kerosakan peralatan penyelidikan dan mengganggu operasi. | Keadaan infrastruktur dan kemudahan yang usang dan telah rosak boleh mengancam keselamatan pengguna, menyebabkan kerosakan peralatan penyelidikan dan mengganggu operasi. | KPI : Pengurusan Kewangan & Aset | 1. Menjalankan pemeriksaan dan siasatan di lokasi oleh PPPA bagi mendapatkan cadangan tindakan. 2. Mengadakan perbincangan yang berterusan dengan pihak PPPA dan Bursar bagi membincangkan isu yang dihadapi dan melihat peluang untuk mendapat peruntukan tambahan bagi menagani isu. | Rawat (Treat) | 1. Menjalankan siasatan menyeluruh di Bangunan yang terlibat. 2. Mengadakan perbincangan yang berterusan dengan pihak PPPA dan Bursar 3. Memohon peruntukan tambahan daripada Universiti: | Mendapat sebahagian peruntukan untuk penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan yang usang dan rosak. | 1. Isu berkaitan bumbung dan tandas telah mendapat perhatian daripada pihak PPPA. Isu ini telah dibawa ke peringkat KPT bagi permohonan usang 2026 pada 14 Januari 2026 2. Lain2 isu masih belum menerima peruntukan tambahan daripada Universiti atau RMK |
| 6 | Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan | Kerosakan dan kebocoran bumbung di beberapa kawasan di INTROP | 1. Bumbung/ Siling runtuh mendatangkan risiko bahaya kepada staf dan pelajar dan boleh menyebabkan kecederaan yang serius. 2. Ruang bilik yang lembab menyebabkan pertumbuhan kulat dan membahayakan kesihatan. 3. Kawasan makmal yang menyebabkan melimpahan ke aras bawah. 4. Siling di bilik siswazah, makmal GIS, Tandas Perempuan di tingkat 2. 5. Makmal Fermentasi dan ruang berhadapan di bilik pegawai penyelidik. | Pihak Berkepentingan | 1. Memindahkan peralatan di bilik yang terlibat ketempat yang lebih selamat. 2. Membaiki kerosakan kritikal menggunakan peruntukan Pengurusan INTROP. | Pindah (Transfer) | Memohon peruntukan RMK 13 RP2 untuk penggantian bumbung INTROP | Melancarkan tugas harian dan menjamin keselamatan makmal, aset-aset yang bernilai tinggi, alatan pejabat dari risiko kerosakan. Keselamatan staf dan pelajar juga terjamin. | Jangka hayat aset-aset akan lebih bertahan lama. Faktor keselamatan lebih terjamin. |


FUNGSIAN/OPERASI: INFRASTRUKTUR/PERSEKITARAN

| No | Nama PTJ | Penyataan Isu / Masalah | Penyataan Risiko | Kesan Kepada Bidang KPI UPM | Kawalan Sedia ada | Tindakan Ke Atas Risiko | Kawalan / Strategi Tindakan Baru | Peluang | Keberkesanan Tindakan |
|----|----------------------------------|---|---|-------------------------------------|---|-------------------------|---|--|--|
| 7 | Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa | Baik pulih / penyelenggaraan bangunan dan infrastruktur tidak dapat dilaksanakan mengikut perancangan disebabkan peruntukan belanja mengurus yang tidak mencukupi sehingga mengganggu aktiviti pembelajaran serta operasi perkhidmatan di CALC | Keselamatan dan kesihatan pekerja terjejas. | KPI : Pengurusan Kewangan & Aset | <ol style="list-style-type: none"> Mengutamakan baik pulih / penyelenggaraan yang kritikal Memohon untuk mendapatkan peruntukan tambahan daripada Univesiti / RMK | Pindah (Transfer) | <ol style="list-style-type: none"> Memajukan permohonan untuk RMK-13 dan permohonan projek infrastruktur dan peralatan usang tahun 2025 Melaksanakan proses baik pulih infrastruktur / fasiliti mengikut kemampuan PTJ (peruntukan sedia ada) Membuat permohonan menaik taraf bumbung Dewan Serbaguna melalui Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA) ke Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti | Dapat membaik pulih bangunan dan infrastruktur | Belum boleh dinilai |
| 8 | Pusat Pertanian Putra | Pagar perimeter sempadan PTJ yang rosak dan usang | Pencerobohan,kehilangan/ kerosakan harta dan hasil ladang (Ladang Kongsi, Ladang Kelapa (Pej. Operasi), Haceri Serdang, Ladang Rusa, Ladang 16 (kolam Perdana), Ladang 14 (Puyuh) dan Hevea. | KPI : Pertanian | <ol style="list-style-type: none"> Pembaikan pagar secara dalaman oleh PTJ. Pembaikan secara berperingkat mengikut kelulusan peruntukan PTJ. | Rawat (Treat) | Memohon peruntukan RMK bagi penggantian pagar usang. Memohon peruntukan daripada Pejabat Bursar bagi penggantian pagar rosak. | Pagar Pejabat Operasi dan Ladang Hevea telah mula dibaiki secara berfasa. Pagar Ladang 16, 14 dan Rusa akan dibaiki pada tahun 2026. | Belum boleh dinilai kerana kerja pembaikan belum selesai sepenuhnya. |

FUNGSIAN/OPERASI: KESELAMATAN/KESIHATAN



| No | Nama PTJ | Penyataan Isu / Masalah | Penyataan Risiko | Kesan Kepada Bidang KPI UPM | Kawalan Sedia ada | Tindakan Ke Atas Risiko | Kawalan / Strategi Tindakan Baru | Peluang | Keberkesanan Tindakan |
|----|---------------------------------------|--|--|-----------------------------|---|-------------------------|--|--|---|
| 9 | Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan | Peningkatan kes isu kesihatan mental di kalangan staf/pelajar | Menjejaskan prestasi kerja staf dan pembelajaran pelajar | KPI : Sumber Manusia | Pemantauan berkala terhadap aduan dan bilangan kes isu kesihatan mental di PTJ. | Rawat (Treat) | <ol style="list-style-type: none"> 1. Penubuhan Task Force Promoting Good Mental Health untuk Pelajar (26/11/2024) 2. Penubuhan Task Force Promoting Good Mental Health untuk Pelajar dan Staf (11/3/2025) 3. Penubuhan Pasukan Bantuan Asas kesihatan Mental (BAKM) (5/6/2026) | Kesedaran kepada staf dan pelajar mengenai kesihatan mental meningkat | Belum dapat dinilai keberkesanan |
| 10 | Fakulti Sains | Tidak menjalankan Chemical Health Risk Assessment (CHRA) | <ol style="list-style-type: none"> 1. Tidak mematuhi USECHH 2000, AKKP 1994 2. Menjejaskan kesihatan staf/pengguna bahan kimia berkaitan | Pihak Berkepentingan | Mengenalpasti unit kerja yang terlibat dalam pengendalian bahan kimia berbahaya kepada kesihatan | Rawat (Treat) | <ol style="list-style-type: none"> 1. Perancangan pelaksanaan CHRA mengikut keutamaan 2. Perancangan perolehan tahunan bagi menjalankan CHRA | Pematuhan kepada peraturan yang terpakai | Pematuhan kepada peraturan yang terpakai |
| 11 | Hospital Sultan Abdul Aziz Shah | Insiden yang tidak diinginkan berlaku kepada pesakit (contoh: pesakit jatuh semasa menjalani rawatan, kesalahan memberi ubat) | Hospital akan menerima aduan dan menjejaskan imej | Pihak Berkepentingan | <ol style="list-style-type: none"> 1. Menjalankan audit 2. Menubuhkan task force untuk membangunkan SOP | Rawat (Treat) | <i>Double barrier</i> (multiple checker), pematuhan SOP dan penilaian kompetensi pegawai bagi mengurangkan kesalahan pemberian ubat. | Meningkatkan keselamatan pesakit dan kualiti perkhidmatan kepada pesakit | Penilaian kompetensi pegawai farmasi secara berkala meningkatkan pematuhan SOP dan mengurangkan risiko kesalahan pemberian ubat |

FUNGSIAN/OPERASI: KEWANGAN



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI



PUTRA
PERTANIAN UNTUK RAKYAT

| No | Nama PTJ | Penyataan Isu / Masalah | Penyataan Risiko | Kesan Kepada Bidang KPI UPM | Kawalan Sedia ada | Tindakan Ke Atas Risiko | Kawalan / Strategi Tindakan Baru | Peluang | Keberkesanan Tindakan |
|----|---|---|--|-------------------------------------|--|-------------------------|--|--|--|
| 12 | Pusat Asasi Sains UPM | Peruntukan kewangan belanja mengurus tahunan dikurangkan / dipotong memberi impak kepada penyediaan infrastruktur | Menjejaskan kualiti pembelajaran dan pengajaran serta perkhidmatan di ASPutra | KPI : Pengurusan Kewangan & Aset | 1. Menyediakan anggaran perbelanjaan pada awal tahun. 2. Melaksanakan perbelanjaan berhemah. | Rawat (Treat) | 1. Meningkatkan pendanaan pendapatan tabung amanah sedia ada di PTJ seperti aktiviti seminar, pengambilan pelajar YTP, T20 dan pelajar antarabangsa serta sewaan kafetaria dan bilik seminar. 2. Melaksanakan penjimatan dalam menguruskan perbelanjaan ASPutra | Meningkatkan bilangan pelajar tajaan YTP MARA, T20, Petronas, Yayasan Khazanah dan pelajar antarabangsa. | Sumber kewangan daripada tabung amanah digunakan sebahagiannya untuk menampung aktiviti pengajaran dan pembelajaran, aktiviti pelajar dan penyelenggaraan fasiliti kerana peruntukan belanja mengurus tidak mencukupi. |
| 13 | Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Infak | Kekurangan dana amil bagi menampung kos operasi WAZAN kerana peruntukan sedia ada terpaksa membiayai emolumen staf kontrak yang sangat ramai | 1. Operasi WAZAN terjejas teruk (meliputi kos promosi, utiliti, pengurusan pejabat, aset, latihan, latihan) dan tidak dapat dilaksanakan kerana kekurangan dana. 2. Tidak dapat menyokong/ menyumbang kepada pendapatan UPM | KPI : Kemampuan Organisasi | Mengoptimumkan tenaga kerja dalam kalangan staf sedia ada (multitasking) bagi menjimatkan kos penggunaan peruntukan bagi tujuan bayaran emolumen staf kontrak. | Rawat (Treat) | 1. Memohon waran jawatan staf tetap. 2. Merangka strategi-strategi baru peningkatan zakat | Kemampuan dana pengurusan WAZAN terjamin dan dapat memenuhi keperluan sumber manusia yang mencukupi | Dapat menjimatkan dana amil sekiranya WAZAN menerima waran penjawatan baru |
| 14 | Pejabat Bursar | Sistem Pengurusan Aset (SPA) tidak memenuhi keperluan yang ditetapkan | Menjejaskan kredibiliti data kewangan | KPI : Pengurusan Kewangan & Aset | Mengadakan mesyuarat berkala dengan pihak vendor dan memantau isu yang dibangkitkan melalui RFS yang dikeluarkan. | Rawat (Treat) | Mengadakan pemantauan berkala secara kerap dan menetapkan tarikh akhir penyelesaian isu yang dibangkitkan. | Syarikat telah menawarkan sistem versi baru yang lebih memudahkan pemantauan dan juga melaksanakan penambahbaikan bagi memenuhi keperluan yang ditetapkan. | Beberapa penambahbaikan telah dibuat dalam sistem versi baru. |


FUNGSIAN/OPERASI: LAIN-LAIN

| No | Nama PTJ | Penyataan Isu / Masalah | Penyataan Risiko | Kesan Kepada Bidang KPI UPM | Kawalan Sedia ada | Tindakan Ke Atas Risiko | Kawalan / Strategi Tindakan Baru | Peluang | Keberkesanan Tindakan |
|----|---------------------------------|---|---|--------------------------------------|--|-------------------------|--|--|---|
| 15 | Institut Pengajian Sains Sosial | Kekurangan Pegawai Tadbir (dahulu dikenali Pegawai Penyelidik Sosial) dan staf Kumpulan Pelaksana Pen. Pegawai Tadbir & Pembantu Tadbir (PO) | Pelantikan menggunakan Tabung Amanah JINM memberi implikasi kewangan yang tinggi. | KPI : Penyelidikan & Inovasi | Pelantikan Kontrak (PE4&PE5) menggunakan T.A JINM dan permohonan perjawatan ABM | Rawat (Treat) | Permohonan AMB 2026 dan pelantikan PE | Peruntukan daripada Tabung Amanah latihan sebagai sumber upahan kontrak | Pelantikan kontrak 1 PE4 dan 1 PE5 serta permohonan perjawatan ABM2026 dipertimbangkan 1 PPTO dan 2 P&P |
| 16 | Pusat Asasi Sains UPM | Kekangan mencapai projek 5 bintang dan nilai impak industri | Menjejaskan KPI ASPutra dan UPM | KPI : Jaringan Industri & Masyarakat | Pemantauan melalui Laporan Jaringan Industri dan Masyarakat dalam Mesyuarat Pengurusan ASPutra | Rawat (Treat) | <ol style="list-style-type: none"> Mengadakan bengkel pelaporan projek JINM Pemantauan melalui laporan pencapaian KPI mengikut sukuan. | <ol style="list-style-type: none"> Berkongsi kepakaran dengan industri Peluang penjaanaan pendapatan | Masih belum mencapai KPI JINM PTJ |

FUNGSIAN/OPERASI: PENGAJARAN

| No | Nama PTJ | Penyataan Isu / Masalah | Penyataan Risiko | Kesan Kepada Bidang KPI UPM | Kawalan Sedia ada | Tindakan Ke Atas Risiko | Kawalan / Strategi Tindakan Baru | Peluang | Keberkesanan Tindakan |
|----|---------------------------------|--|--|-------------------------------|---|-------------------------|--|-------------------------------------|--|
| 17 | Institut Pengajian Sains Sosial | Kekangan untuk menghantar pelajar secara outbound kerana kebanyakan pelajar pasca siswazah di IPSAS bekerja | Menjejaskan KPI IPSAS bil pelajar siswazah menyertai mobiliti/outbound | KPI : Akademik & Antarabangsa | Mengenalpasti pelajar yang berpotensi dan dapat memberi komitmen menyertai program mobiliti | Rawat (Treat) | Peruntukan daripada iPutra RM1600 disalurkan | Mendapat peruntukan daripada iPutra | Seorang pelajar siswazah berjaya menyertai Mobiliti Outbound |


FUNGSIAN/OPERASI: PENTADBIRAN/PERKHIDMATAN

| No | Nama PTJ | Penyataan Isu / Masalah | Penyataan Risiko | Kesan Kepada Bidang KPI UPM | Kawalan Sedia ada | Tindakan Ke Atas Risiko | Kawalan / Strategi Tindakan Baru | Peluang | Keberkesanan Tindakan |
|----|---|---|--|-----------------------------|--|-------------------------|---|---|---|
| 18 | Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul | Kekurangan staf melibatkan jawatan PTPO dan Penolong Pegawai Sains menjejaskan operasi dan perkhidmatan Fakulti. | Menjejaskan perkhidmatan yang disediakan oleh PTJ | KPI : Sumber Manusia | Beban tugas dilaksanakan oleh staf sedia ada | Pindah (Transfer) | Memohon waran perjawatan bagi mengisi kekosongan. Permohonan dibuat secara berfasa bagi mengelakkan permohonan ditolak sepenuhnya jika dibuat secara banyak sekaligus. | Permohonan Fakulti mendapat perhatian Pejabat Pendaftar untuk diangkat ke peringkat yang lebih tinggi sekaligus meningkatkan peluang untuk mendapat tambahan staf. | Fakulti telah menerima dua staf baharu tambahan pada tahun 2025. Pertambahan ini sangat membantu meningkatkan kualiti perkhidmatan di Fakulti. |
| 19 | Institut Biosains | Tiada pelapis staf bagi pengendalian peralatan penyelidikan yang berteknologi tinggi. Selain itu, staf sedia ada juga perlu mengikuti latihan kemahiran lanjutan berkenaan teknik dan kaedah terkini tentang perkhidmatan yang ditawarkan. | Menjejaskan semua perkhidmatan yang melibatkan peralatan berteknologi tinggi dan teknik serta kaedah | KPI : Sumber Manusia | <ol style="list-style-type: none"> 1. Staf sedia ada dikekalkan bagi mengendalikan teknologi tinggi; 2. Menyediakan latihan dalaman secara berkala kepada staf teknikal. | Rawat (Treat) | <ol style="list-style-type: none"> 1. Pelaksanaan program meningkatkan kompetensi melalui Talent@IBS 2. Permohonan staf tetap ke Pejabat Pendaftar 3. Staf menghadiri latihan lanjutan | <ol style="list-style-type: none"> 1. Staf yang kompeten 2. Dapat menghasilkan pelapis (suction plan) 3. Perkhidmatan tidak terjejas | <ol style="list-style-type: none"> 1. Staf yang kompeten 2. Dapat menghasilkan pelapis (suction plan) 3. Perkhidmatan tidak terjejas |


FUNGSIAN/OPERASI: PENTADBIRAN/PERKHIDMATAN

| No | Nama PTJ | Penyataan Isu / Masalah | Penyataan Risiko | Kesan Kepada Bidang KPI UPM | Kawalan Sedia ada | Tindakan Ke Atas Risiko | Kawalan / Strategi Tindakan Baru | Peluang | Keberkesanan Tindakan |
|----|---|---|--|-------------------------------|--|-------------------------|--|--|--|
| 20 | Pusat Kesihatan Universiti | Sistem eKlinik PKU UPM sekarang tidak lagi relevan dan tidak memenuhi keperluan <i>medico legal</i> serta usang. | <ol style="list-style-type: none"> Nota klinikal pesakit tidak dapat ditulis dengan sempurna dan perkara ini akan menjadi masalah sekiranya berlaku kes-kes berkenaan medikolegal. Keselamatan maklumat diragui. Telah berlaku kehilangan data pesakit. | KPI : Kemampuan Organisasi | <ol style="list-style-type: none"> Penggunaan nota sendiri melalui buku nota/ templat temujanji pegawai pergigian secara manual (sekiranya berkenaan) Pendaftaran semula maklumat pelanggan apabila kehilangan data berlaku Perekodan secara manual data kes pesakit mengalami kes kemalangan/kecederaan di UPM | Pindah (Transfer) | Pembangunan Sistem e-Klinik Baharu dengan penglibatan pihak iDEC dan Pejabat Bursar bermula tahun 2025 dan dijangka siap pada penghujung tahun 2026. | <ol style="list-style-type: none"> Mengoptimumkan pemberian perkhidmatan perubatan dan pergigian di PKU. Menambahbaik proses kerja staf PKU. | <ol style="list-style-type: none"> Sistem e-Klinik baharu yang lebih relevan dan mampu memenuhi keperluan perkhidmatan. Modul Temujanji Pemeriksaan Kesihatan Pelajar Baharu Antarabangsa telah mula digunakan oleh staf dan pelajar pada sesi kemasukan Oktober 2025. |
| 21 | Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Infak | Staf kontrak yang berhenti dan mendapat tetap serta dipindahkan ke PTJ lain | Seksyen Pentadbiran dan Kewangan terpaksa berulang kali memproses prosedur lantikan baru, perlanjutan kontrak, mengadakan latihan yang bersesuaian dan penstrukturan semula organisasi. Operasi seksyen juga akan tergendala setiap kali berlaku tukar ganti staf. | KPI : Sumber Manusia | Pengagihan tugas dalam kalangan staf sedia ada | Rawat (Treat) | Melantik staf jawatan Pegawai Eksekuti (PE) dan Personel MyStep menggunakan peruntukan Tabung Amanah PTJ dan meneruskan latihan staf | Dapat meneruskan semula operasi WAZAN | Dapat mencapai sasaran kerja pada tahap optimum |


FUNGSIAN/OPERASI: PENYELIDIKAN

| No | Nama PTJ | Penyataan Isu / Masalah | Penyataan Risiko | Kesan Kepada Bidang KPI UPM | Kawalan Sedia ada | Tindakan Ke Atas Risiko | Kawalan / Strategi Tindakan Baru | Peluang | Keberkesanan Tindakan |
|----|---------------------------------|---|--|------------------------------|---|-------------------------|---|---|---|
| 22 | Institut Pengajian Sains Sosial | Kekangan jumlah pegawai Penyelidik dan Felo Penyelidik menjejaskan bilangan proposal yang hendak dikemukakan | Menjejaskan jumlah penyelidikan institut | KPI : Penyelidikan & Inovasi | Pelantikan Pegawai Penyelidik Q43 dan Permohonan Perjawatan ABM2025 mengemukakan 3 perjawatan Q41 serta mencadangkan dua (2) orang Felo Penyelidik baharu | Rawat (Treat) | Permohonan ABM 2026 bagi Pegawai Penyelidik dan Permohonan peruntukan P29300 untuk upahan Felo Penyelidik | Penyusunan semula Pegawai Tadbir (JD Penyelidikan) untuk membantu meningkatkan Penyelidikan di peringkat Laboratori | Permohonan ABM 2026 Pegawai Penyelidik diluluskan peringkat Pejabat Pendaftar dan sedang dalam pertimbangan KPT |
| 23 | Institut Pengajian Sains Sosial | Masa yang panjang untuk proses penerbitan dan kos yang tinggi di jurnal berstatus WOS | Menjejaskan prestasi penerbitan penyelidik IPSAS dalam penerbitan jurnal berstatus WOS | KPI : Penyelidikan & Inovasi | Menyenaraikan jurnal berstatus WOS dan edaran kepada semua Penyelidik Bersekutu | Rawat (Treat) | Mengadakan bengkel pementoran untuk penerbitan | Peruntukan daripada Tabung Amanah digunakan sebagai insentif kepada penerbitan di journal tidak berbayar | Fokus kepada penerbitan Q1 dan Q2 |


FUNGSIAN/OPERASI: PERALATAN/MESIN

| No | Nama PTJ | Penyataan Isu / Masalah | Penyataan Risiko | Kesan Kepada Bidang KPI UPM | Kawalan Sedia ada | Tindakan Ke Atas Risiko | Kawalan / Strategi Tindakan Baru | Peluang | Keberkesanan Tindakan |
|----|--|--|---|-------------------------------------|--|-------------------------|---|---|--|
| 24 | Institut Biosains | Penyelenggaraan terjejas kerana kekangan peruntukan | Pematuhan Audit SIRIM terkesan | KPI : Pengurusan Kewangan & Aset | <ol style="list-style-type: none"> Melaksanakan verifikasi dan tentukan di peringkat dalaman UPM dan penyelenggaraan peralatan dijalankan secara bersasar mengikut keutamaan. Meningkatkan penjana pendapatan melalui servis yang ditawarkan (analisis sampel), penganjuran latihan dan lain-lain bagi menampung keperluan penyelenggaraan peralatan makmal. Memantau proses pembayaran oleh pengguna/pelanggan yang telah menerima servis di IBS | Rawat (Treat) | <ol style="list-style-type: none"> Meletakkan keutamaan peralatan yang perlu diselenggara Melaksanakan penyelenggaraan sendiri bagi peralatan tertentu Meningkatkan kompetensi staf teknikal | <ol style="list-style-type: none"> Peralatan yang utama boleh diselenggara Peyelenggaraan sendiri boleh mengurangkan kos penyelenggaraan luaran dan mengurangkan risiko kerosakan | Peralatan berfungsi dengan baik dan tersedia untuk digunakan oleh penyelidik/pelajar |
| 25 | Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan | Alatan termal telah usang | <ol style="list-style-type: none"> Pengeluaran alat gantian untuk alatan pengujian termal tersebut dijangka akan tamat sepenuhnya pada 2024. Menjejaskan janaan pendapatan dan aktiviti penyelidikan. | KPI : Penyelidikan & Inovasi | <ol style="list-style-type: none"> Membuat permohonan bajet RMK13 bagi pembelian baru mesin ini. Menghadkan pengendalian alatan termal kepada staf sahaja. Melaksanakan penyelenggaraan berkala. | Pindah (Transfer) | Memohon peruntukan RMK 13 RP2 untuk penggantian peralatan usang. | <ol style="list-style-type: none"> Penggunaan alat lebih cekap dan efisien yang boleh menyumbang kepada penjana pendapatan yang konsisten. Meningkatkan Kompetensi staf | Mendapat alatan baru bersama dengan sistem aplikasi terkini |


FUNGSIAN/OPERASI: PERALATAN/MESIN


| No | Nama PTJ | Penyataan Isu / Masalah | Penyataan Risiko | Kesan Kepada Bidang KPI UPM | Kawalan Sedia ada | Tindakan Ke Atas Risiko | Kawalan / Strategi Tindakan Baru | Peluang | Keberkesanan Tindakan |
|----|-----------------------|---|---|-------------------------------|---|-------------------------|---|--|---|
| 26 | Pusat Asasi Sains UPM | Peralatan makmal yang telah usang | Menjejaskan kualiti pembelajaran dan pengajaran | KPI : Akademik & Antarabangsa | Melaksanakan penyelenggaraan berkala ke atas peralatan makmal | Rawat (Treat) | Menggantikan peralatan usang di makmal secara berperingkat menggunakan peruntukan mengurus dan sebahagian peruntukan tabung amanah PTJ. | Mendapat peruntukan penggantian peralatan usang melalui Rancangan Malaysia Ke 13 (RMK13) tahun 2026. | Melaksanakan perolehan peralatan makmal bagi menggantikan peralatan yang rosak secara berperingkat bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar. |
| 27 | Pusat Pertanian Putra | Pam air ladang yang rosak dan usang menyebabkan perancangan aktiviti penanaman dan ternakan tergendala | Tanaman, akuakultur dan ternakan akan mati yang menyebabkan perkhidmatan PPP terganggu (Pengajaran, Penyelidikan, Penjanaan dan Operasi Ladang) | KPI : Pertanian | 1. Penyelenggaraan dijalankan secara berkala (pertukaran minyak hitam) 2. Baikpulih pam secara berperingkat berdasarkan status kewangan tersedia di PTJ. | Rawat (Treat) | Memohon peruntukan khas 2026 bagi kerja pembaikan pam. | Sekiranya peruntukan diperoleh, pam dapat dibaiki dan digunakan di ladang. | Belum boleh dinilai kerana kerja pembaikan belum selesai sepenuhnya. |

(1) Templat bagi **pengisian daftar risiko operasi** dan penilaian akan dibuka pada awal Mac 2026.

(2) **Taklimat** kepada semua Pegawai Risiko PTJ akan diadakan pada 11 Mac 2026 (tentatif).

(3) **Penambahbaikan senarai kategori fungsian/operasi** seperti berikut:

1. Pembangunan
2. Persekitaran
3. Keselamatan
4. Kesihatan
5. Kewangan
6. Akademik
7. Penyelidikan
8. Perkhidmatan
9. Teknologi Maklumat dan Komunikasi
10. Perundangan / Perjanjian
11. Pematuhan Akta / Standard
12. Peralatan / Mesin
13. Sumber Manusia
14. Jaringan Industri dan Masyarakat
15. Hal Ehwal Pelajar



(4) Inisiatif CQA Tahun 2026




UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

PUTRA
PERTANIAN UNTUK RAKYAT

Penyediaan Matriks Penilaian Risiko (Jadual Keterangan-Kemungkinan) yang lebih objektif bagi memudahkan penilaian tahap risiko operasi oleh PTJ.

Matriks Penilaian Risiko (Jadual Keterangan-Kemungkinan)

1. Fakulti/Sekolah  **Status: Telah disediakan pada tahun 2022 dan digunapakai hingga kini. Perlu tambahbaik berdasarkan isu/risiko terkini.**

 2. Institut **Status: Boleh merujuk kepada Matriks Penilaian Risiko Fakulti/Sekolah sebagai panduan dan sesuaikan dengan isu/risiko di Institut.**

 3. Entiti sokongan lain **Status: Boleh merujuk kepada Matriks Penilaian Risiko Fakulti/Sekolah sebagai panduan dan sesuaikan dengan isu/risiko di PTJ.**
- * CQA telah menyediakan Matriks Penilaian Risiko dan digunakan semasa penilaian risiko HY2 2025**

Contoh Matriks Penilaian Risiko



| PERNYATAAN ISU | PERNYATAAN RISIKO | Skala Keterukan | | | | | Skala kemungkinan | | | | |
|---|--|--|---|--|--|---|---|---|---|---|--|
| | | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| Semakan kurikulum program pengajian prasiswazah tidak dilaksana mengikut tempoh yang ditetapkan | Graduan kurang menepati keperluan pasaran kerja | Gagal mencapai $\leq 5\%$ KPI peratus kebolehpasaran graduan mengikut definisi Kementerian Pendidikan Tinggi berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan | Gagal mencapai $>5\% - 10\%$ KPI kebolehpasaran graduan mengikut definisi Kementerian Pendidikan Tinggi berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan | Gagal mencapai $>10\% - 15\%$ KPI kebolehpasaran graduan mengikut definisi Kementerian Pendidikan Tinggi berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan | Gagal mencapai $>15\% - 20\%$ KPI kebolehpasaran graduan mengikut definisi Kementerian Pendidikan Tinggi berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan | Gagal mencapai $>20\%$ KPI kebolehpasaran graduan mengikut definisi Kementerian Pendidikan Tinggi berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan | Boleh dikatakan mustahil dan tidak pernah berlaku | Belum diketahui berlaku selepas pelajar tamat pengajian | Mungkin berlaku selepas pelajar tamat pengajian | Mungkin boleh berlaku selepas pelajar tamat pengajian | Paling mungkin berlaku selepas pelajar tamat pengajian |
| Masalah baikpulih bangunan/ infrastruktur yang usang /rosak memerlukan kos yang tinggi | Mengurangkan agihan bajet bagi keperluan pengajaran dan penyelidikan | Agihan belanja mengurus sebanyak $\geq 80\%$ untuk keperluan pengajaran dan pembelajaran | Agihan belanja mengurus sebanyak 60-79% untuk keperluan pengajaran dan penyelidikan | Agihan belanja mengurus sebanyak 40-59% untuk keperluan pengajaran dan penyelidikan | Agihan belanja mengurus sebanyak 20-39% untuk keperluan pengajaran dan penyelidikan | $<20\%$ agihan untuk keperluan pengajaran dan penyelidikan | Boleh dikatakan mustahil dan tidak pernah berlaku | Belum diketahui berlaku selepas beberapa tahun | Mungkin berlaku pada masa akan datang | Mungkin boleh berlaku dan bukannya luar biasa | Paling mungkin berlaku |



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

PUTRA
PERTANIAN UNTUK RAKYAT

Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti kali ke-65 diminta mengambil maklum dan perhatian:

1. Laporan penilaian risiko operasi bagi pertengahan tahun kedua 2025 (HY2) dengan jumlah isu sebanyak 396 yang melibatkan 150 risiko rendah, 216 risiko sederhana dan 27 risiko tinggi serta 3 risiko belum nilai;
2. Senarai risiko tinggi PTJ berjumlah 27 dan kaedah kawalan tindak balas ke atas risiko tersebut bagi memastikan tahap risiko operasi terkawal. Peneraju terlibat perlu mengambil perhatian jika tindakan secara bersama boleh diambil;
3. Pembukaan templat e-OPRISK 2026 dan keperluan tindakan oleh semua PTJ; dan
4. Keperluan menyediakan Matriks Tahap Penilaian Risiko yang akan digunakan mulai tahun 2026.



Pertanian • Inovasi • Kehidupan
Berilmu Berbakti

Terima Kasih